Headline	Program hoki TNB menakjubkan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	481 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,449		

Program hoki TNB menakjubkan

Fokus

SETIAP sukan mempunyai program pembangunan tersendiri khususnya di peringkat akar umbi.

Begitu juga dengan sukan hoki yang mana Program Hoki Thunderbolts TNB merupakan salah satu program untuk memantapkan lagi gaya permainan pemain-pemain muda yang mempunyai potensi dalam sukan tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan di bawah program ini adalah klinik hoki, pengenalan sistem kejurulatihan yang terbaharu dan sistematik, pencarian bakat-bakat menerusi penganjuran kejohanan remaja serta bekerjasama dengan sekolah-sekolah sukan seluruh negara.

Salah satu daripada empat buah sekolah yang menjadi perintis kepada Program Thunderbolts TNB adalah Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ). Sekolah yang sememangnya terkenal dalam melahirkan atlet-atlet muda berbakat negara termasuk dalam sukan hoki, menganggap Program Thunderbolts TNB sebagai pelengkap terhadap impian mereka.

Kejayaan terbaharu SSBJ adalah merangkul kejuaraan sulung saingan Piala Thunderbolts yang berlangsung di Bandar Penawar, Johor baru-baru ini.

Jurulatih SSBJ, Lokman Yahaya menyifatkan Program Thunderbolts ini memberi impak besar kepada pasukan hoki SSBJ, bukan sahaja dari segi kewangan, malahan dalam aspek kejurulatihan.

Katanya: "Banyak perkara yang disumbangkan menerusi program Thunderbolts, staf kejurulatihan pun hadir membantu di SSBJ. Daripada segi kewangan, peralatan hoki untuk para pemain turut disumbangkan di bawah program ini.

"Ada yang mendapat elaun, peralatan hoki, dan lain-lain lagi. Bagi saya, ia merupakan satu suntikan kepada pemain-pemain muda untuk meningkatkan moral mereka, sekali gus membantu mereka memantapkan lagi gaya permainan masing-masing."

Jurulatih berusia 49 tahun itu turut mengakui banyak peningkatan telah dipamerkan barisan pemain mudanya yang terlibat di bawah program ini, lebih-lebih lagi selepas mengharungi kempen Liga Hoki Malaysia (MHL)-TNB termasuk yang mewakili pasukan TNB Thunderbolts baru-baru ini.

Tambahnya, beberapa pemain muda dari pasukan SSBJ turut terpilih untuk bersama skuad kebangsaan.

"Pemain SSBJ, Hafiizhuddin kini diserapkan dalam skuad Malaysia B (skuad pembangunan) manakala Firdaus Rosdi turut terpilih untuk mewakili pasukan remaja negara pada kejohanan Piala Sultan Johor 2016 awal bulan November lalu.

"Perubahan terhadap gaya permainan mereka dapat dilihat apabila mewakili TNB dan TNB Thunderbolts, permainan mereka juga semakin meningkat khususnya dari segi keserasian, kepantasan serta kecergasan.

"Ini membuktikan program Thunderbolts TNB memang banyak membawa perubahan dalam kalangan pemain muda kita," kata Lokman yang sudah enam tahun membimbing pasukan hoki SSBJ.

Pada masa yang sama, Lokman juga mencadangkan supaya Program Thunderbolts TNB ini boleh menghantar pelatih-pelatih di bawah program itu untuk menjalani latihan atau perlawanan di luar negara pada masa hadapan.

Katanya, sekolah sukan di negara ini bakal menjadi penyumbang atlet berwibawa buat kontinjen negara dan adalah lebih baik sekiranya Program Thunderbolts mengorak langkah dengan menghantar para pemain beraksi di luar negara bagi memberi pendedahan kepada mereka di peringkat tertinggi.

"Apabila pemain-pemain terbaik dari empat sekolah sukan ini dibawa ke luar negara, ia akan membantu mereka mengembangkan bakat masing-masing selain meningkatkan tahap keyakinan mereka. Itulah saya harapkan di masa hadapan," ujar Lokman lagi.

Selain SSBJ, tiga lagi sekolah sukan yang terpilih untuk diserapkan di bawah Program Thunderbolts adalah Sekolah Sukan Pahang (SSP), Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Johor dan Sekolah Menengah Anderson (SMA), Perak.

TENAGA NASIONAL

Powered by: iSENTIA

Headline	Program hoki TNB menakjubkan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	481 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,449		

ANTARA pemain dan barisan kejurulatihan SSBJ yang terlibat dengan Program Hoki Thunderbolts TNB yang kini sudah mula mengetuk pintu skuad remaja kebangsaan.

Powered by: iSENTIA